

Newspaper	Berita Harian
Date	8 November 2015

# Kontraktor Bumiputera kena berubah

» Najib saran usah terlalu bergantung tenaga buruh asing siap projek

Oleh Faridzwan Abdul Ghafar  
faridzwan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyarankan kontraktor Bumiputera agar tidak lagi bergantung kepada buruh asing dalam melaksanakan sesebuah projek.

Perdana Menteri berkata, kontraktor Bumiputera tidak boleh lagi menggunakan buruh asing kerana ia adalah kaedah lama, sebaliknya perlu lebih berinovasi dan menggunakan strategi lebih mapan untuk menyiapkan projek masing-masing.

"Kontraktor Bumiputera perlu meluaskan peranan mereka. Saya faham ini adalah cabaran yang amat besar, namun mereka tetap perlu berusaha meningkatkan daya saing menerusi penggunaan teknologi dan kepakaran dalam amalan perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis makan malam dan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Ke-36, di sini malam tadi.

Yang turut hadir, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, Timbalannya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Presiden PKMM, Datuk Mokhtar Samad.

#### Empat strategi

Perdana Menteri berkata, kera-



Najib dan Mokhtar (empat dari kanan) bergambar bersama penerima Anugerah Kontraktor Cemerlang pada majlis makan malam dan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Ke-36 di Kuala Lumpur, malam tadi. (FOTO ASYRAF HAMZAH / BH)

"Kontraktor Bumiputera perlu meluaskan peranan mereka. Saya faham ini adalah cabaran yang amat besar, namun mereka tetap perlu berusaha tingkatkan daya saing menerusi penggunaan teknologi dan kepakaran dalam amalan perniagaan"

Najib Razak,  
Perdana Menteri

jaan berusaha untuk mentransformasikan kontraktor Bumiputera bagi sektor pembinaan berdasarkan empat strategi.

"Strategi pertama ialah meningkatkan kandungan pengetahuan menerusi peningkatan kualiti modal insan dan penguatkuasaan pembangunan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), serta kontraktor Bumiputera.

"Strategi kedua ialah memacu

produktiviti melalui peningkatan penggunaan teknologi dan pemodenan kaedah pembinaan," katanya.

Najib berkata, strategi seterusnya ialah dengan memupuk amalan lestari dalam rantai nilai pembinaan, manakala strategi keempat adalah dengan meningkatkan pengantarabangsaan menerusi pembangunan kapasiti syarikat pembinaan untuk mencapai keupayaan mengeksport.